

635:
MAHATHIR

1976
KUALA LUMPUR, 10 MAC (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMED MENEGASKAN TINDAKAN MEMILIKNEGARAKAN PERUSAHAAN TIDAK AKAN DAPAT MENOLONG KERAJAAN MENCAPAI MATLAMAT 30 PERATUS PENYERTAAN BUMI-PUTRA DALAM SEMUA KEGIATAN EKONOMI NEGARA MENJELANG TAHUN 1990. TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, LANGKAH TERSEBUT BUKAN SAHAJA TIDAK DAPAT DITERIMA BAHKAN TIDAK AKAN MENGUNTUNGGAN NEGARA. +JIKA AHLI-AHLI EKONOMI KITA BERPENDAPAT KITA TIDAK BOLEH MENCAPAI MATLAMAT TERSEBUT MELALUI DASAR EKONOMI BARU TETAPI SEBALIKNYA DENGAN MERAMPAS DARI ORANG-ORANG KAYA, SUDAH TENTU SYOR SEPERTI INI TIDAK DAPAT DITERIMA.+ UJARNYA.

BELIAU MEMBERITAHU DEMIKIAN DALAM WAWANCARA DENGAN PARA WARTAWAN DALAM RANCANGAN +30 MINIT+ DI TV MALAYSIA MALAM INI. MENURUT DR. MAHATHIR, DASAR EKONOMI BARU YANG DILAKSANAKAN SEKARANG TELAH BERJAYA MENGWUJUDKAN GOLONGAN MEWAH DAN KAYA DI KALANGAN KAUM BUMIPUTRA YANG DAHULUNYA HIDUP DALAM SERBA MISKIN.
-- BERSAMBUNG 2302/ZCM

636:
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU TIDAK MENYANGKAL KEMUNGKINAN ADA ORANG-ORANG KAYA YANG BERTAMBAH KAYA DAN YANG MISKIN MENJADI LEBIH MISKIN AKIBAT PELAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU ITU TETAPI MENYATAKAN PERKEMBANGAN ITU BUKAN DISEBABKAN OLEH DASAR TERSEBUT.

KATANYA, +OLEH KERANA KITA MENGAMALKAN SISTEM PERDAGANGAN BEBAS, MEMANG TERDAPAT ORANG-ORANG YANG KAYA MENJADI LEBIH KAYA. +INI MUNGKIN KERANA ORANG-ORANG YANG KAYA AGAK LEBIH MUDAH MENDAPAT PINJAMAN DARI BANK-BANK UNTUK MENGUASAHAKAN RANCANGAN PERUSAHAAN MEREKA.

+BAGAIMANAPUN, INI TIDAK BERMAKNA ORANG-ORANG YANG MISKIN TIDAK LANGSUNG MEMPUNYAI PELUANG UNTUK MEMPERBAIKI TARAF HIDUP MEREKA SETANDING DENGAN MEREKA YANG KAYA DAN MEWAH.

+JIKA MEREKA BERUSAHA SERTA MELATIH DIRI TENTANG CARA-CARA BERNIAGA, SUDAH TENTU MEREKA BOLEH MENJADI KAYA.+

MENJAWAB SATU PERTANYAAN TENTANG BUKU KARANGANNYA BERJUDUL +MALAY DILEMMA+ YANG TELAH DIHARAMKAN, DR. MAHATHIR BERKATA BUKU TERSEBUT BUKAN SAHAJA TERTUMPU KEPADA MASAALAH ORANG-ORANG MELAYU MALAHAN MASAALAH-MASAALAH EKONOMI YANG DIHADAPI OLEH LAIN-LAIN KAUM DI MALAYSIA.

BUKU TERSEBUT JUGA MENGANALISA SECARA MENDALAM MASAALAH-MASAALAH ITU DISAMPING MEMBERIKAN SYOR-SYOR BAGI MENGATASINYA.
-- BERSAMBUNG 2307/ZCM

637:

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU GEMBIRA KERANA SEBAHAGIAN BESAR DARI PEMBENTUKAN DASAR EKONOMI BARU KERAJAAN BERASASKAN SYOR-SYOR YANG DIKEMUKAKANNYA DALAM BUKU TERSEBUT.

CONTOHNYA, KATA BELIAU, KERAJAAN SEKARANG BERAZAM MENGHAPUSKAN KEADAAN TIDAK SEIMBANG ANTARA KAUM DI NEGARA INI.

+LANGKAH INI TELAH DIAMALKAN APABILA KITA MELANCARKAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA DAN IA TELAH SEDIKIT SEBANYAK MENGESEIMBANGKAN KEADAAN EKONOMI DI KALANGAN BERBAGAI KAUM DI NEGARA INI.

+USAHA INI TIDAK AKAN BERJAYA SEKIRANYA KITA MENGHARAPKAN ORANG-ORANG MELAYU SAHAJA.

+OLEH ITU KERAJAAN TELAH MENUBUHKAN BERBAGAI AJENSI YANG MELIBATKAN DIRI DALAM PERUSAHAAN SUPAYA MEREKA BOLEH MENGAMBIL SEBAHAGIAN DARIPADA PERUSAHAAN-PERUSAHAAN DI NEGARA INI UNTUK DIBERIKAN KEPADA ORANG-ORANG MELAYU.+

DITANYA TENTANG PENYUSUNAN SEMULA KABINET YANG DIUMUMKAN OLEH DATO' HUSSEIN ONN BARU-BARU INI, BELIAU BERKATA LANGKAH TERSEBUT AKAN MENGHENTIKAN BERBAGAI SPEKULASI YANG TIDAK SEHAT YANG TERDAPAT SEJAK KEMBALINYA KE RAHMATULLAH ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK. — BERSAMBUNG 2310/ZCM

638:

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

TAMBAH BELIAU, +SAMADA ORANGRAMAI SUKA ATAU TIDAK KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA BARU KABINET ADALAH SATU PERKARA LAIN TETAPI DENGAN TAMATNYA SPEKULASI DAPATLAH RAKYAT MEMBUAT ANALISA SENDIRI MENGENAI SUSUNAN BARU ITU.+

MENURUT DR. MAHATHIR, BELIAU TIDAK DAPAT MENENTUKAN SAMADA BELIAU BERUPAYA MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWABNYA YANG BARU DENGAN SEMPURNA.

+RAKYAT SENDIRI BOLEH TENTUKAN APABILA SAYA TELAH BERKHIDMAT DALAM SATU JANGKAMASA YANG TERTENTU,+ UJARNYA.

MENGENAI MASA DEPAN UMNO, DR. MAHATHIR YANG JUGA MENJADI PEMANGKU TIMBALAN PRESIDEN UMNO BERKATA BAHAWA JENERASI MUDA YANG ADA SEKARANG MESTILAH MENGAMBIL BAHAGIAN YANG CERGAS DAN POSITIF DALAM BIDANG POLITIK SEKIRANYA MEREKA INGIN MENGEKALKAN PEMERINTAHAN PARTI ITU.

BELIAU MENINGATKAN BAHAWA KEMERDEKAAN NEGARA MUNGKIN JATUH KE TANGAN ORANG-ORANG LAIN JIKA MEREKA GAGAL MEMPERTAHANKANNYA.